



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-19 SECARA ATAS TALIAN**

---

Tarikh : 09 Februari 2021 (Selasa)  
Masa : 9.00 pagi  
Platform : secara atas talian menerusi aplikasi *Zoom Meeting*  
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>19.1</b>	<b>Aluan Pengerusi</b>  Pengerusi:  (a) memulakan mesyuarat dengan mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-19 (1/2021) secara atas talian melalui Aplikasi <i>Zoom Meeting</i> .  (b) turut mengalukan kehadiran ahli baharu mesyuarat iaitu:  (i) Puan Haslida Hassan selaku Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS daripada CQA bermula pada 25 Januari 2021;  (ii) Encik Shahrizan Hashim selaku Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) bermula pada 03 September 2020;  (iii) Encik Nuruliman Ibrahim selaku Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) bermula pada 25 Januari 2021;  (iv) Encik Noor Hakim Ahmad selaku Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) bermula pada 25 Januari 2021; dan	<b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p>(v) Encik Sudirman Asmadi selaku Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) bermula pada 25 Januari 2021.</p> <p>(c) merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan ahli mesyuarat berikut:</p> <p>(i) Encik Mustafa Haji Dollah, mantan Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS daripada CQA yang telah berkhidmat bermula 27 Mac 2019 hingga 1 November 2020;</p> <p>(ii) Puan Noorizai Mohamad Noor, mantan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) yang telah berkhidmat bermula 27 Mac 2019 hingga 31 Ogos 2020;</p> <p>(iii) Encik Fahmi Azar Mistar, mantan Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) yang telah berkhidmat bermula 18 Mei 2018 hingga 15 November 2020;</p> <p>(iv) Encik Sudirman Asmadi, mantan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) yang telah berkhidmat bermula 08 Mei 2018 hingga 24 Januari 2021; dan</p> <p>(v) Encik Noor Hakim Ahmad, mantan Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) yang telah berkhidmat bermula 05 Ogos 2020 hingga 24 Januari 2021.</p>	<b>Makluman</b>
<b>19.2</b>	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-17 &amp; Ke-18 (Khas) Secara Edaran</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-17 yang diadakan pada 17 Julai 2020 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-18 secara edaran yang diadakan pada 29 Julai 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<b>Makluman</b>

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>								
<b>19.3</b>	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-17 adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 3.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum semua tindakan yang diputuskan semasa mesyuarat kali ke-17 telah dan sedang diambil tindakan oleh peneraju/pasukan yang terlibat.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>								
<b>19.4</b>	<p><b>Laporan Objektif Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan pada <b>Laporan Agenda 4.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum daripada tiga (3) objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2020, dua (2) objektif mencapai sasaran manakala satu (1) tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Objektif yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="479 1165 1209 1690"> <thead> <tr> <th data-bbox="479 1165 544 1270"><b>Bil</b></th> <th data-bbox="544 1165 755 1270"><b>Kenyataan Objektif</b></th> <th data-bbox="755 1165 950 1270"><b>Sasaran &amp; Pencapaian 2020</b></th> <th data-bbox="950 1165 1209 1270"><b>Peneraju</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="479 1270 544 1690">1.</td> <td data-bbox="544 1270 755 1690">Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik</td> <td data-bbox="755 1270 950 1690">80 % <b>(76.22%)</b></td> <td data-bbox="950 1270 1209 1690">Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik</td> </tr> </tbody> </table>	<b>Bil</b>	<b>Kenyataan Objektif</b>	<b>Sasaran &amp; Pencapaian 2020</b>	<b>Peneraju</b>	1.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80 % <b>(76.22%)</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>Bil</b>	<b>Kenyataan Objektif</b>	<b>Sasaran &amp; Pencapaian 2020</b>	<b>Peneraju</b>							
1.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80 % <b>(76.22%)</b>	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti (Pusat Pembangunan Akademik							

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p>(c) Mesyuarat mengambil maklum cadangan punca serta tindakan pembetulan bagi objektif ISMS yang tidak mencapai sasaran yang perlu diambil tindakan oleh pasukan ISMS terlibat adalah sebagaimana yang dinyatakan di <b>Lampiran B</b>.</p> <p>(d) Mesyuarat turut mengambil maklum antara cadangan yang boleh dipertimbangkan bagi meningkatkan jumlah responden penilaian pengajaran pensyarah adalah dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) menambah frekuensi notifikasi pelaksanaan penilaian kepada pensyarah dan juga melalui emel INFO ICT UPM; dan</li> <li>(ii) memperkenalkan kaedah ganjaran (reward) kepada responden.</li> </ul> <p>(e) Mesyuarat secara dasarnya tidak bersetuju dengan cadangan untuk menukar kaedah pengukuran objektif ISMS berkaitan penilaian pengajaran kepada 'jumlah min keseluruhan penilaian pengajaran mencapai skor <math>\geq 4.0</math>' atas justifikasi ianya tidak menggambarkan tahap keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran yang hendak diukur.</p> <p>(f) Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan tiga (3) objektif keselamatan maklumat beserta sasaran sedia ada bagi tujuan pengukuran tahun 2021 untuk dipantau dan diukur oleh pasukan ISMS terlibat berdasarkan kaedah pengukuran yang telah ditetapkan.</p>	<p><b>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</b></p> <p><b>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS, Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti, Ketua Pasukan ISMS</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman						
19.5	<p><b>Laporan Penyata Pemakaian (Statement of Applicability (SoA)) &amp; Dokumentasi ISMS</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 5.0</b> yang dibentang di mana terdapat keperluan pindaan kedua-dua dokumen seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="399 625 1214 1478"> <thead> <tr> <th data-bbox="399 625 664 659">Dokumen</th> <th data-bbox="664 625 1214 659">Justifikasi perubahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="399 659 664 978">Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)</td> <td data-bbox="664 659 1214 978"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (Nama lama: Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi)</li> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti)</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="399 978 664 1478">Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS</td> <td data-bbox="664 978 1214 1478"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti).</li> <li>• Senarai PTJ terlibat dengan pensijilan ISMS digugurkan dan info berkaitannya dirujuk terus melalui paparan di Portal eISO UPM.</li> <li>• Format penulisan Pihak Berkepentingan ISMS dan Isu Luaran dan Isu Dalaman ISMS</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p>(b) meminta supaya setiap pasukan ISMS melengkapkan maklumat Pihak Berkepentingan dan Isu Dalaman serta Isu Luaran pasukan masing-masing yang diperlukan untuk Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS UPM. Templat format pengisian maklumat yang terkini akan diedarkan oleh pihak urusetia CQA dan setiap pasukan diminta mengembalikan tempat yang telah lengkap selewatnya pada 18 Februari 2021.</p>	Dokumen	Justifikasi perubahan	Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (Nama lama: Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi)</li> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti)</li> </ul>	Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti).</li> <li>• Senarai PTJ terlibat dengan pensijilan ISMS digugurkan dan info berkaitannya dirujuk terus melalui paparan di Portal eISO UPM.</li> <li>• Format penulisan Pihak Berkepentingan ISMS dan Isu Luaran dan Isu Dalaman ISMS</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti, Ketua Pasukan ISMS</b></p>
Dokumen	Justifikasi perubahan							
Dokumen Penyata Pemakaian (SoA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (Nama lama: Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi)</li> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti)</li> </ul>							
Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor (Nama lama: Unit Integriti).</li> <li>• Senarai PTJ terlibat dengan pensijilan ISMS digugurkan dan info berkaitannya dirujuk terus melalui paparan di Portal eISO UPM.</li> <li>• Format penulisan Pihak Berkepentingan ISMS dan Isu Luaran dan Isu Dalaman ISMS</li> </ul>							

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman												
	<p>(c) turut mengambil maklum cadangan ke atas (2) dokumen ISMS dan mesyuarat bersetuju dengan keputusan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="350 384 1235 1230"> <thead> <tr> <th data-bbox="350 384 418 455">Bil</th> <th data-bbox="418 384 748 455">Nama dan Kod Dokumen</th> <th data-bbox="748 384 951 455">Cadangan</th> <th data-bbox="951 384 1235 455">Keputusan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="350 455 418 1026">1.</td> <td data-bbox="418 455 748 1026">Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)</td> <td data-bbox="748 455 951 1026">Digugurkan daripada kawalan sedia ada dalam SoA dan juga daripada senarai dokumen ISO UPM.</td> <td data-bbox="951 455 1235 1026">Membuat semakan semula berkaitan keperluan penggunaan Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP 03/PENGENDALIAN MAKLUMAT). Garis panduan ini hanya akan digugurkan sekiranya wujud kawalan seumpamanya pada dokumen lain yang terpakai di UPM.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="350 1026 418 1230">2.</td> <td data-bbox="418 1026 748 1230">Garis Panduan Penilaian Risiko Aset (UPM/ISMS/SOK/GP02/RISK ASSESSMENT)</td> <td data-bbox="748 1026 951 1230">Dipindahkan daripada Peneraju iDEC kepada CQA.</td> <td data-bbox="951 1026 1235 1230">Dipersetujui untuk diletakkan di bawah peneraju CQA dan akan dijadikan sebagai dokumen rujukan dalaman.</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) bersetuju supaya cadangan penambahbaikan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS dikuatkuasakan pada Mac 2021 (selepas pelaksanaan Bengkel Semakan SoA 2021).</p>	Bil	Nama dan Kod Dokumen	Cadangan	Keputusan	1.	Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)	Digugurkan daripada kawalan sedia ada dalam SoA dan juga daripada senarai dokumen ISO UPM.	Membuat semakan semula berkaitan keperluan penggunaan Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP 03/PENGENDALIAN MAKLUMAT). Garis panduan ini hanya akan digugurkan sekiranya wujud kawalan seumpamanya pada dokumen lain yang terpakai di UPM.	2.	Garis Panduan Penilaian Risiko Aset (UPM/ISMS/SOK/GP02/RISK ASSESSMENT)	Dipindahkan daripada Peneraju iDEC kepada CQA.	Dipersetujui untuk diletakkan di bawah peneraju CQA dan akan dijadikan sebagai dokumen rujukan dalaman.	<p><b>Ketua Pasukan Pusat Data, Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti</b></p> <p><b>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti</b></p>
Bil	Nama dan Kod Dokumen	Cadangan	Keputusan											
1.	Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP03/PENGENDALIAN MAKLUMAT)	Digugurkan daripada kawalan sedia ada dalam SoA dan juga daripada senarai dokumen ISO UPM.	Membuat semakan semula berkaitan keperluan penggunaan Garis Panduan Pengendalian Maklumat (UPM/ISMS/SOK/GP 03/PENGENDALIAN MAKLUMAT). Garis panduan ini hanya akan digugurkan sekiranya wujud kawalan seumpamanya pada dokumen lain yang terpakai di UPM.											
2.	Garis Panduan Penilaian Risiko Aset (UPM/ISMS/SOK/GP02/RISK ASSESSMENT)	Dipindahkan daripada Peneraju iDEC kepada CQA.	Dipersetujui untuk diletakkan di bawah peneraju CQA dan akan dijadikan sebagai dokumen rujukan dalaman.											
19.6	<p><b>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Status Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2020 adalah sebagaimana dinyatakan di <b>Laporan Agenda 6.0</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan Penilaian Risiko Semakan Julai 2020 ini telah dijalankan bermula 8 hingga 21 Julai 2020 oleh semua pasukan ISMS melibatkan penilaian terhadap 879 aset dengan</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>												

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>1245 jumlah ancaman. Daripada penilaian tersebut sebanyak 1182 risiko berada pada tahap rendah, 62 risiko pada tahap sederhana dan satu (1) risiko pada tahap tinggi. Laporan Penilaian Risiko ISMS (Semakan Julai 2020) telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS pada 17 November 2020.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian terhadap tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap pasukan ISMS dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan ISMS di UPM.</p> <p>(d) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian perubahan senarai ahli Pasukan ISMS yang melibatkan pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu serta Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti akan dikemaskini dalam Sistem MyRAM semasa sesi penilaian risiko berikutnya yang dijadualkan pada Mac 2021.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras Penilaian Risiko ISMS, Ketua Pasukan ISMS</b></p>
<p><b>19.7</b></p>	<p><b>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 27 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh empat (4) Pasukan ISMS bagi tempoh Ogos 2020 hingga Januari 2021 adalah seperti di <b>Laporan Agenda 7.0</b> yang dibentang semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mencadangkan supaya setiap pasukan menyediakan takwim aktiviti tahunan ISMS masing-masing bagi membantu pemantauan pelaksanaan aktiviti ISMS pasukan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua Pasukan ISMS</b></p>
<p><b>19.8</b></p>	<p><b>Hal-Hal Lain</b></p> <p><b>19.8.1 Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2021</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Laporan Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2021 adalah sepertimana takwim pada <b>Laporan Agenda 8.1</b> yang dibentang. Perancangan merangkumi aktiviti seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman ISMS dan Audit SIRIM ISMS, Mesyuarat Kajian</p>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN																											
	<p>Semula Pengurusan ISMS dan juga aktiviti pelaksanaan dan pemantauan ISMS pasukan secara berkala. Perancangan aktiviti adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="315 411 1256 884"> <thead> <tr> <th data-bbox="315 411 391 447">Bil</th> <th data-bbox="391 411 927 447">Program/Aktiviti</th> <th data-bbox="927 411 1256 447">Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="315 447 391 520">1.</td> <td data-bbox="391 447 927 520">Pelaksanaan/Pemantauan ISMS Peringkat Pasukan</td> <td data-bbox="927 447 1256 520">Januari/Jun/November/Disember</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 520 391 625">2.</td> <td data-bbox="391 520 927 625">Mesyuarat JK Kerja ISMS ke-19 (1/2021) &amp; Mesyuarat JK Kerja ISMS Ke-20 (2/2021)</td> <td data-bbox="927 520 1256 625">9 Februari 2021 &amp; 13 Julai 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 625 391 661">3.</td> <td data-bbox="391 625 927 661">Bengkel Penilaian Risiko ISMS</td> <td data-bbox="927 625 1256 661">4 - 5 Mac 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 661 391 697">4.</td> <td data-bbox="391 661 927 697">Bengkel Semakan SoA</td> <td data-bbox="927 661 1256 697">16 - 17 Mac 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 697 391 732">5.</td> <td data-bbox="391 697 927 732">Audit Dalaman ISMS</td> <td data-bbox="927 697 1256 732">Mac - Mei 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 732 391 768">6.</td> <td data-bbox="391 732 927 768">Bengkel Tindakan Pembetulan</td> <td data-bbox="927 732 1256 768">Julai 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 768 391 804">7.</td> <td data-bbox="391 768 927 804">Mesyuarat MKSP ISMS</td> <td data-bbox="927 768 1256 804">Ogos 2021</td> </tr> <tr> <td data-bbox="315 804 391 884">8.</td> <td data-bbox="391 804 927 884">Audit Pensijilan SIRIM</td> <td data-bbox="927 804 1256 884">September/Oktober 2021</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="315 940 1256 1010"><b>19.8.2 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2020</b></p> <p data-bbox="451 1045 1256 1188">(a) Mesyuarat mengambil maklum status pelaksanaan dua (2) kategori soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2020 adalah sebagaimana pada <b>Laporan Agenda 8.2</b> yang dibentang merangkumi:</p> <p data-bbox="509 1224 1256 1293">(i) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2020/2021; dan</p> <p data-bbox="509 1329 1256 1434">(ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2019/2020.</p> <p data-bbox="451 1470 1256 1822">(b) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2020/2021 telah dijalankan pada 10 hingga 20 November 2020 kepada pelajar baharu prasiswazah kemasukan sesi 2020/2021 secara atas talian. Analisis yang dijalankan menunjukkan 90.95% daripada 2536 responden (pelajar baharu yang mendaftar) berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran berdasarkan soalan 1 hingga 5.</p>	Bil	Program/Aktiviti	Tarikh	1.	Pelaksanaan/Pemantauan ISMS Peringkat Pasukan	Januari/Jun/November/Disember	2.	Mesyuarat JK Kerja ISMS ke-19 (1/2021) & Mesyuarat JK Kerja ISMS Ke-20 (2/2021)	9 Februari 2021 & 13 Julai 2021	3.	Bengkel Penilaian Risiko ISMS	4 - 5 Mac 2021	4.	Bengkel Semakan SoA	16 - 17 Mac 2021	5.	Audit Dalaman ISMS	Mac - Mei 2021	6.	Bengkel Tindakan Pembetulan	Julai 2021	7.	Mesyuarat MKSP ISMS	Ogos 2021	8.	Audit Pensijilan SIRIM	September/Oktober 2021	<p data-bbox="1284 1045 1442 1081"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1284 1470 1442 1505"><b>Makluman</b></p>
Bil	Program/Aktiviti	Tarikh																											
1.	Pelaksanaan/Pemantauan ISMS Peringkat Pasukan	Januari/Jun/November/Disember																											
2.	Mesyuarat JK Kerja ISMS ke-19 (1/2021) & Mesyuarat JK Kerja ISMS Ke-20 (2/2021)	9 Februari 2021 & 13 Julai 2021																											
3.	Bengkel Penilaian Risiko ISMS	4 - 5 Mac 2021																											
4.	Bengkel Semakan SoA	16 - 17 Mac 2021																											
5.	Audit Dalaman ISMS	Mac - Mei 2021																											
6.	Bengkel Tindakan Pembetulan	Julai 2021																											
7.	Mesyuarat MKSP ISMS	Ogos 2021																											
8.	Audit Pensijilan SIRIM	September/Oktober 2021																											



MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(c) Mesyuarat mengambil maklum Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2019/2020 telah dilaksana pada 15 hingga 26 Julai 2020 kepada pelajar prasiswazah secara atas talian menggunakan aplikasi <i>Google Form</i>. Analisis yang dijalankan menunjukkan 76.22% daripada 492 responden (pelajar prasiswazah) berpuas hati dan memberikan penilaian pada skala 4 dan ke atas terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Selain daripada itu, pencapaian mengikut item (soalan) juga adalah pada tahap baik iaitu dengan skor min 4.16.</p> <p><b>19.8.3 Cadangan Perluasan Skop ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai keperluan melaksanakan perluasan skop ISMS mengambilkira saranan pihak juruaudit dalaman tahun 2020 berhubung perkara ini. Mesyuarat dimaklumkan kali terakhir perluasan skop dilaksanakan adalah pada tahun 2018 iaitu bagi perluasan skop Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.</p> <p>(b) Mesyuarat bersetuju supaya skop ISMS sedia ada bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah diperluaskan kepada pelajar baharu siswazah. Cadangan ini akan dibawa untuk persetujuan awal Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM pada 18 Februari 2021.</p> <p><b>19.8.4 Makluman Berkaitan Kad Prihatin Siswa</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung pengenalan Kad Prihatin Siswa yang akan berfungsi sebagai kad matrik pelajar dan juga kad bank pelajar. Kad ini akan digunapakai oleh pelajar prasiswazah tempatan sahaja dan penggunaanya masih lagi di peringkat penelitian oleh pihak Universiti bersama Kementerian Pengajian Tinggi. Buat masa ini penggunaan Kad Virtual PutraViD masih dikekalkan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>TWP ISMS</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
19.9	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

---

**SENARAI KEHADIRAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013  
KALI KE-19 SECARA ATAS TALIAN**

---

**HADIR**

1. Ts. Krishnan Mariappan **- Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
5. Encik Shahrizan Hashim (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
6. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
7. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
8. Ts. Shahril Iskandar Amir (Ketua, Pasukan Pusat Data)
9. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
10. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
11. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
12. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
13. Puan Shamriza Shari **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Encik Adidi Tamin (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Mohd Amaludin Salleh (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Dato' Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Nuruliman Ibrahim (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)

**PUNCA DAN TINDAKAN PEMBETULAN  
OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2020 YANG TIDAK MENCAPAI SASARAN**

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2020	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian 2020	Punca Ketidakaapaian	Tindakan Pembedulan	Tarikh Pelaksanaan Tindakan Pembedulan
1.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar memberi skor penilaian sekurang-kurangnya 4.00 pada skala Likert 5.00	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<b>76.22%</b> (375 daripada 492 responden mencapai purata skor 4.00 dan ke atas)	1. Soal selidik penilaian pelajar tidak "anonymous" kerana sistem memaparkan nama pelajar di skrin.	1. Mengeluarkan maklumat nama pelajar daripada paparan skrin soal selidik penilaian pengajaran pelajar.	15 Mac 2021 (Penilaian pengajaran program Diploma sem. 2 2020/21)
						2. Sistem Penilaian Pengajaran/Portal Putra Learning Hub tidak mematuhi Hypertext Transfer Protocol Secure (HTTPS).	2. Membuat permohonan HTTPS untuk Portal Putra Learning Hub/Sistem Penilaian Pengajaran kepada pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC).	28 Februari 2021
						3. Berlaku insiden di mana pensyarah membuat kenyataan bahawa skor yang diberikan oleh pelajar boleh diketahui oleh pensyarah.	3. Membuat makluman kepada Dekan Fakulti berkenaan maklum balas daripada pelajar dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran (JKPP) UPM.	Bergantung kepada tarikh Mesyuarat JKPP terdekat.
							4. Makluman berkenaan pematuhan etika kepada pensyarah di mana pensyarah tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan/tindakan yang boleh mempengaruhi penilaian pelajar.	15 Mac 2021 (Makluman penilaian pengajaran program Diploma sem. 2 2020/21)
							5. Laporan markah penilaian pengajaran pensyarah dijana selepas tempoh minggu peperiksaan berakhir.	10 Mei 2021 (Laporan penilaian pengajaran program Diploma sem. 2 2020/21)